

ISLAMIC HERITAGE

LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

ISLAMIC HERITAGE
LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

Editors

*Hasan Bahrom
S. Salahudin Suyurno
Abdul Qayuum Abdul Razak*

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hasan Bahrom

Proceedings of the 1st international Islamic heritage conference / Hasan
Bahrom, S.Salahudin Suyurno, Abdul Qayuum Abdul Razak
978-967-0637-13-6
1. Islamic Heritage 2. Civilization I. Hasan Bahrom
II. S.Salahudin Suyurno III. Abdul Qayuum Abdul Razak

Reka bentuk kulit : Mohd Zaid bin Mustafar

Dicetak di Malaysia oleh :

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA,
KM 26 JALAN LENDU,
78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Tel: +606 558 2058

CONTENTS

PRAKATA	i
---------	---

KATA ALUAN REKTOR UITM MELAKA	ii
-------------------------------	----

ARTS

A DOCUMENT OF IBÂDI JURISPRUDENCE RELATED TO THE ARCHITECTURE OF MOSQUES Benkari Naima	1
RE-THINKING THE DEPICTIONS OF TWO-DIMENSIONAL ‘LIVING BEINGS’ IN CONTEMPORARY ISLAMIC ART Lina Kattan	15
REVIVING THE CLASSICAL ISLAMIC ARCHITECTURAL DESIGNS OF MOSQUE IN TIN MINING AREA: KINTA VALLEY, PERAK, MALAYSIA Wan Noor Anira Hj Wan Ali @ Yaacob, Norasikin Hassan, Khalilah Hassan & Ameri Mohd Sarip @ Shariff	25
TOWARDS A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF ANIMATED INFOGRAPHICS IN AN ISLAMIC CONTEXT Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof & Khairul Azhar Mat Daud	38
QUR’AN AND SPLENDOR OF ISLAMIC CALLIGRAPHY: DEVELOPMENT OF IRANIAN CALLIGRAPHY UNDER INFLUENCE OF QUR’AN TRANSCRIBING Mahdi Sahragard	49
PLANT AND LANDSCAPE DESIGN: REFLECTION FROM THE QURAN AND HADITH Khalilah Hassan, Nur Huzeima Mohd Hussain, Norizan Mt Akhir & Mazlah Yaacob	60
SUSTAINABLE AND DIVERSE ISLAMIC ART: A SOCIAL AND CULTURAL EXPERIMENT IN AUSTRALIA Abdul Attamimi & Majdi Faleh	70
KUFI LARI’: THE HYBRID OF KHAT KUFI TO UPHOLD THE MALAYS’ IDENTITY IN DIGITAL ART APPLICATION Mohd Amin bin Mohd Noh, Mohd Fauzi bin Harun, Nik Narimah bt Nik Abdullah, Zaharah bt Hj. Ramli & Nor Fariza bt Baharuddin	81

KONSEP SENI DALAM ISLAM: SATU SOROTAN	89
Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Md Dahlan, Mohd Farhan Abd Rahman & Norsaeidah Jamaludin	

GENDER

CANNING CHILDREN: ABUSE OR EDUCATE?	101
Ekmil Krisnawati Erlen Joni & Salmiah Salleh	
THE WISDOM OF POLYGAMY IN ISLAM: THE LAW AND CUSTOMARY PRACTICE IN AFGHANISTAN	114
Hekmatullah Muradi & Nasir Ahmad Yousefi	

PERBEZAAN TANGGUNGJAWAB PERIBADI PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)	125
Siti Marhamah binti Kamarul Arifain, Atini Alias, Farrah Wahida Mustafar & Faudziah Yusof	

CULTURE

VOLUNTEER TOURISM FOR MUSLIM COMMUNITY DEVELOPMENT: APPLYING SOCIAL EXCHANGE THEORY FOR CROSS CULTURE BENEFITS	133
Nik Rozilaini binti Wan Mohamed, Ahmad Rozelan bin Yunus, Mohd Hasrul Yushairi bin Johari & Mashita binti Abdul Jabar	

مكتبة آشوريانبيال تراث إنساني فريد وان كمال موجانی & سميرة ميلاد عامر	140
--	-----

POLITIC

النظام الجنائي الاسلامي هو الحل للأمن في العالم	148
---	-----

سعدي حيدرة

العلاقات الدبلوماسية الاسلامية في الاندلس مع المماليك الاوروبية، دراسة و تحقيق طارق عبد السلام & عصام ميلود الخراط	158
---	-----

حق الدولة المسلمة في امتلاك الأسلحة الخيرية وضرورة انتاجها وليس استيرادها

165

نور العارفة بنت محمد & شعيم حنك

EDUCATION

دور الشورة التعليمية والثقافية في تطوير الأمة المسلمة في منطقة مليبار، كيرلا الهند

175

على أكبر كي وي

ISLAM AND EDUCATION

182

Nasiruddin Mizy

ISLAM AND HIGHER EDUCATION: THE ROLE OF ISLAMIC-BASED UNIVERSITIES IN URBAN DEVELOPMENT 190

Nur Rafidah Asyikin binti Idris

LEARNING ORAL PRESENTATION IN A COLLABORATIVE ENVIRONMENT 201
IN TERTIARY CLASSROOMS: ISLAMIC PERSPECTIVES

Juritah Misman & Mardziah Hayati Abdullah

PENDIDIKAN ISLAM DENGAN AKHLAK MORAL PELAJAR: SOROTAN 213
FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Siti Noorbiah Md Rejab, Najahudin Lateh, Hanifah Musa Fathullah Harun, Nur Zahidah Jaafar & Nur Hidayah Zainal

FAKTOR AGAMA SEBAGAI FAKTOR UTAMA MENGUBAH TINGKAH LAKU 222
SEORANG BANDUAN

Ahmad Zaidi Johari, Mohd Izam Ghazali & Alis Puteh

HISTORY

PARADIGMA ILMU KITAB JAWI DI ALAM MELAYU: SATU PENGENALAN 226
Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Badlihisyam Mohd Nasir,
Wan Zailan Kamarudin Wan Ali, Abdul Halim Ismail, Nor Adina Abdul Kadir &
Zurina binti Mohamed Noor

ANALISIS KEBANGKITAN VOLGA BULGARIA 922M 236
Harliana Halim, Kamaruzaman Yusoff, Mohd Faizal Khir & Shakila Ahmad

LAKSAMANA PĪRĪ REIS DAN SUMBANGANNYA KEPADA KARTOGRAFI 247
DAWLAH CUTHMĀNIYYAH
Ahmad Sobrie Haji Ab Rahman & Roziah Sidik @ Mat Sidek

SOCIETY

نظريّة الطلاق في الإسلام: دراسة مقارنة مع اليهودية والنصرانية عثمان بن إبراهيم غرغُدو	259
A QUALITATIVE STUDY ON WIFE ABUSE IN MUSLIM FAMILIES: WHY WOMEN ENDURE? Mariny Abdul Ghani, Noor Azizah Ahmad & Azizul Mohamad	278
HIMA AS A MODEL FOR NEIGHBOURHOOD OPEN SPACE PLANNING Khalilah Hassan, Siti Syamimi Omar & Izrahayu Che Hashim	290
حكم تارك الصلاة طارق حميش	301
ASPEK-ASPEK TIDAK PATUH SYARIAH DALAM AMALAN JAMPI DI MALAYSIA Juriah Mohd Amin, PM Dr Huzaimah Ismail & PM Supani Husain	307
LELAKI BERPAKAIAN SEPERTI PEREMPUAN: ANTARA GENDER IDENTITY DISODER, UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA Yuhanza binti Othman, Ida Rahayu binti Mahat, Mimi Sofiah Ahmad Mustafa & Marziana Abd Malib	316
GEJALA SOSIAL DI MALAYSIA: PENDEKATAN ISLAM DAN PERANAN PEMIMPIN DALAM USAHA PENCEGAHAN Rajwani Md. Zain, Khairullah Mokhtar & Mushaddad Hasbullah	328
PEMAHAMAN SERTA PENGAMALAN MAKANAN SUNNAH DAN SUNNAH PEMAKANAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG Siti Fairuz Sujak, Noor Syahida Md Soh, Azizah Md. Kasah, Siti Zaleha Syafiee, Noraishah P. Othman, Rohaya Sulaiman, Nor Fazlin Uteh & Zuliana Zoolkefli	335

SCIENCE AND TECHNOLOGY

HARM REDUCTION IN CARTILAGE TISSUE ENGINEERING 346
EXPERIMENTATION: A COMPARATIVE REVIEW BETWEEN ISLAMIC AND CONVENTIONAL ETHICS

Muhammad Aa'zamuddin Ahmad Radzi, Abdurezak Abdulahi Hashi, Zainul Ibrahim Zainuddin, Rozlin Abdul Rahman, Norhamiza Mohamad Sukri, Mohd Yusof Mohamad, Noorhidayah Md Nazir, Wan Ahmad Dzulkarnain Razali & Munirah Sha'ban

THE IMPACT OF SCIENCE AND TECHNOLOGY TOWARDS RURAL 359
COMMUNITY IN UNDERSTANDING ISLAM

Abdul Hapes bin Mohammed & Nurul Diana bt Mohamed Iqbal

KERANGKA TEORI E-WASIAH 366

Zainal Fikri Zamzuri, Noormala Rabu, Abdullah Hj Said & Mohd Fauzi Md Isa

KAJIAN TINJAUAN LITERATUR TERHADAP APLIKASI MUDAH ALIH 373
BERUNSURKAN ISLAM “*ISLAMIC MOBILE APPS*”

Ronizam Ismail, Shahrul Niza Samsudin, Wahid Ab Sulaiman, Norzaimah Zainol & Dina Syafini Zaid

ECONOMICS

المضاربة الشرعية البديل الإسلامي للفائدة الربوية 388

عبد الله بن عمر بلعيدي

AWARENESS OF CASH WAQF AMONG THE MALAYSIAN MUSLIMS 409

Wan Musyirah binti Wan Ismail, To' Puan Prof Dr Rokiah binti Embong, Nur Hayati binti Abd Rahman, Noor Rafhati binti Romaiha & Nur Hazwani binti Mohamad Roseli

DELIVERING CONVENIENT SERVICE AND BETTER ZAKAT DISTRIBUTION 421
MANAGEMENT THROUGH UITM PULAU PINANG eZAKAT SYSTEM

Naemah Abdul Wahab, Saiful Nizam Warris, Jamal Othman & Muhammad Che Saad

KEUSAHAWANAN TANI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM 432

Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Hj Abas, Sarah Dina Mohd Adnan, Mariam Farhana Md Nasir & Hamidah Jalani

FINANCE

A STUDY OF THE ATTRACTIVENESS ON ISLAMIC PAWNBROKING AT AR-RAHNU MAIDAM KUALA TERENGGANU	443
Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Nurul Syazwani binti Ahmad, Adida binti Muhammud, Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias & Rubiah Abu Bakar	
EXAMINING THE DIFFERENCES BETWEEN AR RAHNU AND CONVENTIONAL PAWN BROKING IN COMPATIBILITY TOWARDS MAQASID SHARIAH	455
Salbiah Nur Shahrul Azmi, Nazimah Hussin & Rohaida Basiruddin	
THE MAIN FACTORS THAT INFLUENCE THE PUBLIC TO PURSUE ISLAMIC PAWN BROKING (AR-RAHNU) COMPARE TO THE CONVENTIONAL PAWN BROKING IN KUALA TERENGGANU	467
Rubiah Abu Bakar, Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Norliyana binti Zulkifli Mohd, Adida binti Muhammud & Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias	
THE AWARENESS OF EFFECTIVE FINANCIAL PLANNING AMONG THE STUDENTS OF FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT UITM MELAKA CITY CAMPUS	476
Mohd Sufian bin Ab Kadir, Mohd Fuad bin Othman, Nur Izzati binti Abas, Saloma binti Mohd Yusoff, Maymunah Ismail, Sharina Shariff	
PANDANGAN FUQAHÀ MALIKI TERHADAP JUALBELI SUKUK PADA ZAMAN MARWAN AL-HAKAM: SATU ANALISIS RINGKAS	501
Mohd Asyadi Redzuan, Mohd Farhan Ahmad, Siti Noor Ain Aziz & Shahidatul Ashikin Shahran	
PENILAIAN KESAHAN INSTRUMEN PELABURAN EMAS PATUH SYARIAH (IPEPS) DENGAN MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH	506
Najahudin Lateh, Ghafarullahhuddin Din, Muhammad Rahimi Osman, Ezani Yaakob & Salmy Edawati Yaacob	

PHILANTHROPY

DANA KHAIRAT: PENGALAMAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	515
Hasan Bahrom & Rawi Nordin	

PHILOSOPHY

THE SIGNIFICANCE OF RELIGIOUS KEY TERMS AND THEIR NEW MEANINGS IN AL-FARUQI'S AL-TAWHID: ITS IMPLICATIONS FOR THOUGHT AND LIFE 520

Fadzilah Din

LEGASI MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA: ANTARA KEKANGAN TRADISIONALISME DAN TUNTUTAN LIBERALISME 526

Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, Mohd Farhan Md. Ariffin & Syamsul Azizul Marinsah

KAJIAN PEMIKIRAN BADIUZZAMAN SAID NURSI TERHADAP KENABIAN BERDASARKAN KITAB RASAIL AN-NUR 535

Muaz bin Hj. Mohd Noor, Faizuri bin Abdul Latif, Mohd Zaid bin Mustafar , Mohd Khairul Nizam bin Mohd Aziz, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Norazri bin Mohamad Zaini & Mohd Padi bin Noman

PANDANGAN HAMKA TERHADAP AYAT-AYAT EMBRIOLOGI DALAM TAFSIR AL-AZHAR 547

Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad, Sharifah Norshah bani bt Syed Bidin & Kamarul Shukri bin Mat Teh

KAJIAN TURATHIY DAN 'ILMIY TERHADAP BUAH-BUAHAN DAN HERBA YANG DISEBUT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH 556

Mohd Asmadi Yakob, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Nurulwahidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman & Mohd Rais Mustafa

LANGUAGE AND COMMUNICATION

MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM TERKINI PEMBENTUKAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR 571

Aina Sabariah Md. Isa & Huzaimeh Hj Ismail

FAMILY COMMUNICATION MANAGEMENT FROM MUSLIM ADOLESCENT PERSPECTIVE 581

Aziyah binti Abu Bakar

KEBERKESANAN DAKWAH MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT ISLAM 593

A.Rauf Ridzuan, S. Salahudin Suyurno, Rusydi Kamal, Fakrulnizam Jafri, Dzaa Imma Abd Latif & Siti Nurshahidah Sah Alam

فوائد وسائل الإعلام الحديثة وأضرارها على الإسلام والمسلمين: الإنترنت نموذجاً محمد الأمين محمد سيلا	600
THE ROLE OF PARENTAL COMMUNICATION IN DEVELOPING MUSLIM PERSONALITY: AN OVERVIEW OF PARENTAL ACCEPTANCE-REJECTION THEORY Aini Faezah Ramlan, S. Salahudin Suyurno, Muhammad Shafiei Ayub, Rosilawati Sultan Mohideen & Norazlinda Hj Mohammad	606
PERANAN LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MENGIKUKAN UKHWAH KEKELUARGAAN Rosilawati Sultan Mohideen, Abdul Rauf Ridzuan, Aini Faezah Ramlan, Fakhrulnizam Jafri & Faridah Hanem Ab. Rashid	614
KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PERPADUAN UMMAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA Afiqah Mior Kamarulbaid, Abd Rauf Ridzuan, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Efina Hamdan & Mohd Hilmi Bakar	620
PENCARIAN TEMAN HIDUP BERLANDASKAN ISLAM MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL Fakrulnizam Jafri, Abdul Rauf Ridzuan, Rusydi Mohamad Kamal, Rosilawati Sultan Mohideen & Nur Alyani Mohd Shukri	627
AN ADVERTISING MEDIA: THE RELATIONSHIP OF ADVERTISING MESSAGE, IMAGE AND LANGUAGE USAGE TOWARDS SENSITIVITY IN ISLAMIC PERSPECTIVE Norazlinda Hj. Mohammad, Norida Abu Bakar, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Aini Qamariah Mohd Yusof	636
HIKMAH DALAM BERDAKWAH SEBAGAI MANHAJ RABBANIYYAH: SATU SOROTAN DEFINISI S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohamad Shafiei Ayub, Muaz Mohd Noor, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, Mohd Zaid Mustafar & Abdul Qayuum Abdul Razak	645
PEMBIKINAN FILEM ISLAM DI MALAYSIA: PERJALANAN DAKWAH ATAU PELABURAN KOMERSIL Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sakrani & Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim	651

MANAGEMENT

THE EFFECTS OF SERVICE QUALITY TOWARDS CUSTOMER SATISFACTION OF ISLAMIC BANK IN KUANTAN PAHANG 659

Maz Izuan Mazalan, Faresya Zunaida Mohd Zubair & Rozman Mohd Yusof

COMPATIBILITY OF PLANTS APPLICATION WITH ISLAMIC VALUES IN THE MALAY LANDSCAPE OF KOTA BHARU CITY 680

Nur Hafizah Ramle & Nik Ismail Azlan Rahman

THE IMPLEMENTATION OF SHARIAH COMPLIANT HOTEL: A CASE STUDY OF PULAI SPRINGS RESORT BERHAD 688

Zuliana binti Zoolkefli, Nor Fazlin binti Uteh, Ruqaiyah binti Ab Rahim & Noor Syahida binti Md Soh

A DETERMINANT MODEL FOR ISLAMIC MANAGEMENT 692

Azman Che Omar



Prakata

Sejarah warisan Islam telah memberikan impak yang cukup besar kepada perkembangan dunia hari ini. Ia bukan sahaja memberi sumbangan kepada aspek kerohanian malah turut menyumbang kepada aspek ekonomi, politik, pendidikan, sosial, kesenian, kebudayaan, sains dan teknologi. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa pentingnya ketamadunan ilmu kepada ketamadunan dunia. Perkara ini selaras dengan tuntutan al-Quran yang menyatakan dengan jelas bahawa Allah SWT memuji sesiapa yang berusaha menuntut ilmu dan juga bertaqwa kepadaNya. Namun sejak akhir-akhir ini, sumbangan hasil pensejarahan Islam sering dipandang sepi oleh generasi muda. Sejarah warisan Islam tidak lagi dijadikan panduan dan iktibar dalam melebarkan ketamadunan ilmu Islam. Mereka lebih tertumpu kepada ketamadunan Barat yang dikatakan ‘kaya’ dengan khazanah ilmu. Sedangkan kemajuan hari ini seharusnya berlandaskan kepada ketamadunan Islam.

Penelitian atau pengkajian mengenai warisan Islam perlu direncanakan sebagai ketamadunan dunia. Idea-idea baru mengenai sejarah warisan Islam perlu diketengahkan. Oleh yang demikian, menerusi *1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015) dilihat akan dapat membantu kepada perkembangan produksi seterusnya menjana idea-idea baru khususnya untuk memperkayakan kajian dalam bidang sejarah warisan Islam kepada masyarakat. Dengan penganjuran seminar ini secara tidak langsung membantu untuk menjalankan hubungan antara para sarjana dalam bidang sejarah warisan Islam. Ini adalah satu cabaran dan membuka peluang baru untuk membina satu perpaduan intelektual merentas sempadan dunia.

Buku ini merupakan kompilasi diskusi ilmu antara para ilmuan yang terlibat secara langsung dalam pembentangan kertas kerja mereka dalam *1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015) daripada pelbagai platform ilmu Islam antaranya Kesenian, Ketamadunan, Komunikasi, Pendidikan, Kewangan, Sains dan Teknologi dan lain-lain lagi. Semoga curahan ilmu melalui penulisan ini mampu memberi sumbangan dalam menambah khazanah ilmu Islam kepada masyarakat.

Editor,

1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015),

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

UiTM Melaka.

Kata Aluan Rektor UiTM Melaka

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam, dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, kejayaan penganjuran *1st International Islamic Heritage Conference* 2015 yang berlangsung di Hotel Mahkota Melaka pada 11-12 November 2015, telah menghasilkan banyak kertas kerja yang amat bermutu. Justeru, buku ini mengumpulkan puluhan penulisan para ilmuan dan cendekiawan dari dalam dan luar negara untuk bacaan semua.

Pelbagai isu telah dikupas termasuklah perihal seni Islam, budaya, politik, gendar, pendidikan, sejarah, kemasyarakatan, sains dan teknologi, ekonomi, kewangan, falsafah, bahasa dan komunikasi, kedermawanan dan pengurusan. Pembaca juga akan mendapati buku ini memuatkan kajian-kajian yang komited melaksanakan usaha mengintegrasikan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Ini membuktikan kesegaran keilmuan tamadun Islam itu sendiri. Semoga perkongsian ilmu ini dapat meningkatkan komitmen umat dalam memartabatkan perintah Ilahi dalam kehidupan duniawi sebagai jambatan ukhrawi. Sekaligus ia bakal memberi manfaat pada alam sejagat.

Pihak UiTM Melaka merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih atas segalasokongan dalam bentuk material, tenaga dan sebagainya dalam merialisasikan seminar ini. Buat semua penaja yang telah memberikan sumbangan kepada wacana ini, sekalung penghargaan diucapkan. Semoga seminar dwi tahunan ini akan terus diperkasakan demi mengangkat martabat umat melalui kecemerlangan tamadun Islam yang diakui telah terbukti diseluruh jagat.

Sekian, terima kasih. Wassalam

PROF. MADYA DR MOHD ADNAN BIN HASHIM

Rektor ,
UiTM Melaka.

KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PERPADUAN UMMAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA

Afiqah Mior Kamarulbaid
 Abd Rauf Ridzuan
 Siti Nur Fadzilah Abdullah
 Efina Hamdan
 Mohd Hilmi Bakar

Abstrak

Perpaduan Ummah di kalangan umat Islam di negara ini amat penting dalam memastikan umat Islam bersatu padu dan hidup dalam harmoni. Menurut Zaleha Muhamad (2004), perpaduan "Ummah" menurut Islam adalah usaha yang dilakukan menerusi permuasakatan untuk membangun dan mengekalkan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara. Dalam menuju ke arah negara maju, umat Islam mula membiasakan penggunaan media sosial dalam kehidupan sehari-hari. Kemajuan media sosial telah memberi satu impak kepada komunikasi di mana komunikasi akan bertambah baik dan terus meningkat ke tahap yang baru. Media sosial telah memudahkan akses kepada ilmu pengetahuan dan perkembangan media sosial sangat memberikan manfaat kepada masyarakat. Pada hari ini, kita boleh melihat kesan media sosial bukan sahaja memberikan kesan positif kepada masyarakat malah ia telah memberikan impak buruk di mana masyarakat mulai berpecah kerana perbezaan fahaman politik. Menurut bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 2011, perbezaan fahaman politik di negara ini menyebabkan umat Islam dikatakan berpecah belah dan bukan kerana agama. Pada hari ini, perpaduan Ummah di negara ini semakin hari semakin pudar kerana budaya fahaman politik yang berteraskan dendam dan benci telah mendominasi kerangka masyarakat sehingga sanggup melakukan apa sahaja terhadap kuasa. Kajian ini secara khususnya adalah untuk membincangkan bagaimana fahaman politik yang berlainan di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia boleh memberi kesan terhadap perpaduan "Ummah". menerusi media sosial yang sentiasa melanda dunia siber pada hari ini. Tambahan lagi, isu perpaduan yang sentiasa dibincangkan dalam kajian sebelum ini diberikan lebih penekanan terhadap hubungan etnik berbanding dengan perpaduan Ummah. Teori "Uses and Gratification" menjadi landasan utama yang membantu pengkaji memahami bagaimana penggunaan media sosial memberi kesan kepada perubahan fahaman dan tingkah laku disebabkan pemahaman politik yang berbeza (Turner dan West, 2014). Kebanyakan kajian yang dilakukan membincangkan masalah perpaduan yang berpunca dari kelainan budaya dan bangsa. Justeru, hasil kajian ini pula meneliti sejauh manakah media sosial memberi kesan yang berbeza terhadap perpaduan "Ummah" di Malaysia meliputi konteks fahaman politik yang berbeza. Kajian ini akan menggunakan kuantitatif kajian ini memilih analisis dokumen dalam proses mengumpul data kajian berkaitan dengan bagaimana sumber politik di media sosial menjadi teras perpecahan di kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Perpaduan Ummah, Media Sosial, Politik

Pendahuluan

Perpaduan ummah sangat dititikberatkan oleh Islam. Namun realiti yang kita saksikan pada hari ini amat membimbangkan. Umat Islam di Malaysia berpecah dan bergaduh antara satu sama lain. Proses komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan perpaduan.

Menurut Mohd.Sahir (2008), perpaduan ialah 'penggabungan'. Perihal bergabung menjadi satu atau persatuan manakala perkataan lawan bagi 'perpaduan' ialah 'permusuhan', 'kehancuran' dan 'perpecahan'. Jika kita dilihat pada konteks hari ini, dengan adanya

kelebihan kemajuan teknologi komunikasi dalam Era Interaktif perpaduan ummah yang dibina makin lemah kerana faktor konflik dan ketegangan dalam masyarakat apabila elemen sensitive sering ditimbulkan terutamanya yang melibatkan politik. Perpaduan ummah menurut Islam adalah usaha yang dilakukan menerusi permufakatan untuk membangun dan mengekalkan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara (Zaleha Muhamad, 2004). Dampak komunikasi telah berkembang dengan pesat dengan adanya kemajuan teknologi seperti media sosial. Kemajuan media sosial telah memberi satu impak kepada komunikasi di mana komunikasi akan bertambah baik dan terus meningkat ke tahap yang baru. Media sosial telah memudahkan akses kepada ilmu pengetahuan dan perkembangan media sosial sangat memberikan manfaat kepada masyarakat. Ia bukan sahaja memudahkan untuk berhubung bersama keluarga dan rakan-rakan malah media sosial memberikan satu perantara baru kepada masyarakat untuk berkongsi berita dalam dan luar negara, mengiklankan dan memasarkan produk bagi tujuan perniagaan, dan di gunakan oleh ahli-ahli politik dalam tujuan kempen dan petisyen.

Pada hari ini, kita boleh melihat kesan media sosial bukan sahaja memberikan kesan positif kepada masyarakat malah ia telah memberikan impak negatif dimana masyarakat mulai berpecah kerana perbezaan fahaman politik. Menurut bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 2011, perbezaan fahaman politik di negara ini menyebabkan umat Islam dikatakan berpecah belah dan bukan kerana agama. Malah beliau berkata umat Islam di negara ini kini berpecah kepada tiga puak dan telah “berperang” sesama sendiri walaupun tidak menggunakan senjata seperti di beberapa negara Islam lain. Berpunca dari perbezaan fahaman politik, umat Islam di negara ini mumpuni pegangan tidak boleh solat di masjid yang sama, mempunyai tanah perkuburan yang berbeza, dan melakukan demonstrasi jalanan (Utusan Malaysia, 2011). Pada hari ini, perpaduan di negara ini semakin hari semakin pudar kerana budaya fahaman politik yang berteraskan dendam dan benci telah mendominasi kerangka masyarakat sehingga sanggup melakukan apa sahaja terhadap kuasa. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah S.W.T;

“Dan berpegang teguhlah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah dan jangan bercerai-berai, dan ingatlah nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (sebelum Islam) bermusuhan, lalu Dia menyatukan hati kamu. Maka menjadilah kamu kerana nikmat-Nya bersaudara, padahal dahulu kamu sudah berada di tepi jurang neraka, tetapi Dia menyelamatkan kamu daripadanya.” (Quran; Ali-Imran, 3: 103)

Teori

Teori “Uses and Gratification” menjadi landasan utama yang membantu pengkaji memahami bagaimana penggunaan media sosial memberi kesan kepada perubahan fahaman dan tingkah laku disebabkan pemilihan media yang berbeza (Turner and West, 2014). Kebanyakan kajian sastera yang telah dilakukan membincangkan masalah perpaduan yang berpunca dari kelainan budaya, bangsa dan agama. Kajian ini secara khususnya membincangkan bagaimana fahaman politik yang berlainan di kalangan masyarakat Melayu, khususnya masyarakat Islam di Malaysia memberi kesan terhadap perpaduan “Ummah” menerusi bahan-bahan di media sosial yang sentiasa melanda dunia siber pada hari ini. Tambahan lagi, isu perpaduan yang sentiasa dibincangkan dalam kajian sastera sebelum ini diberikan lebih penekanan menerusi pendekatan kajian terhadap perpaduan “Ummah” dari sudut pandangan Islam.

Kajian Sastera

Perpaduan Ummah

Dewasa ini, negara kita sering dkejutkan dengan pelbagai kejadian yang menganggu gugat keharmonian negara. Di mata dunia, Malaysia dikenali sebagai sebuah negara di aman di mana masyarakatnya hidup secara harmoni walaupun terdiri dari latar belakang yang berbilang kaum, budaya dan agama. Menurut pandangan Islam, perpaduan ummah

didefinisikan sebagai usaha yang dilakukan menerusi permuafakatan untuk membangun dan mengekalkan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara (Zaleha Muhamad, 2004). Menurut Wan Zahidi Wan Teh (2013), pihak yang selari dengan kehendak Sunnah berasaskan dalil-dalil yang sahih dan jelas serta bersesuaian dengan ijmak ulama ialah mereka yang bersama dan menyokong kerajaan yang ada. Ini adalah antara faktor masyarakat Islam di Malaysia terbahagi kepada dua kelompok iaitu, yang menyokong kerajaan dan menentang kerajaan.

Tambahan lagi, perpaduan ummah adalah suatu tuntutan yang amat penting dan perpecahan adalah perbuatan yang sangat dilarang dalam Islam berasaskan nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah di mana perkara ini tidak dipertikaikan oleh sesiapa pun daripada kalangan umat Islam (Wan Zahidi Wan Teh, 2013). Malah, dalam konteks Islam, ia mewajibkan amar ma’aruf dan nahi mungkar dilaksanakan di kalangan umatnya bagi memelihara kemurnian akidah dan ajaran Islam daripada dicemari ajaran bidaah (Wan Zahidi Wan Teh, 2013) yang seharusnya menyatukan masyarakat Islam di Malaysia.

Seterusnya, perbezaan pemikiran dan pegangan siasah adalah antara faktor lain perpaduan di kalangan bangsa Melayu kelihatan ada pasang surut. Tambahan pula, hubungan antara bangsa Melayu dan kaum Cina, India dan suku-suku kaum lain yang beragama Islam masih belum begitu kukuh, walaupun mereka telah diikat dengan kesatuan akidah.

Media Sosial

Perpaduan ummah di Malaysia dicabar dari pelbagai sudut (Pelan Strategik Jakim, 2009-2014). Akibatnya, perpaduan ummah semakin luntur dan bermusuhan sesama sendiri di kalangan masyarakat Islam Malaysia. Media sosial pada masa kini memainkan peranan penting dalam proses komunikasi. Di dalam Perbincangan Meja Bulat berkenaan “Peranan Media Sosial dalam Hubungan Etnik: Cabaran dan Harapan” (2015) menyatakan satu ruang interaksi sosial masyarakat dalam bertukar-tukar pandangan serta menjadi tempat penyampaian dan percambahan maklumat dengan begitu cepat dalam sesebuah komuniti berjaya dibentuk menerusi aplikasi media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Instagram, Wechat, Twitter dan lain-lain.

Menurut Kiranjit (2015), ciri-ciri media sosial seperti mudah dimiliki dan mudah digunakan secara bebas didapati telah menjadi faktor penyumbang yang menyebabkan kumpulan aktivis mampu mengancam penubuhan kerajaan atau dijadikan anti-establishment (Chang Peng Kee, 2015). Peranan media sosial pada zaman ini tidak boleh dipinggirkan kerana ia menjadi keperluan dalam kehidupan seharian dan generasi Y sangat bergantung terhadap media baru ini dalam proses penerimaan dan penyampaian maklumat, dan tidak hanya dilihat sebagai sebuah teknologi (Muhammad Firdaus Hamdan, Gan Kin Shyang, Nur Hezreen Othman, 2015).

Ini turut di sokong oleh Irwan Abdul Rahman (2015) yang menyatakan dalam mengutarakan pandangan, media sosial banyak memainkan peranan dalam penyampaian pandangan yang lebih bernes, jika dibandingkan dengan media perdana. Malah, kebanyakan pandangan atau komen yang dinyatakan dalam media sosial boleh dikatakan terbahagi kepada komen-komen yang positif dan juga negatif yang menganggu keseimbangan sosial di antara kumpulan pelbagai latar belakang.

Ciri-ciri media sosial seperti “interactivity”, “Ubiquity”, “Asynchronous”, “Demassification”, “Digitisation” dan “Convergence” yang menyumbang kepada peningkatan penggunaan media sosial sebagai proses pencarian dan penerimaan maklumat (Chang Peng Kee, 2015). Malah menurut Chang Peng Kee (2015) lagi, dalam konteks sebaran luas, manusia boleh berkongsi idea, dan bekerjasama untuk merekacipta, berfikir, berdebat, mencari seseorang yang boleh menjadi kawan baik, mencari pasangan, dan membentuk sebuah komuniti menerusi media sosial.

Politik

Politik memainkan peranan penting dalam pembentukan dan pembangunan sesebuah negara. Menerusi laman sesawang, banyak parti politik mula menggunakan medium ini sebagai salah satu cara menyampaikan maklumat dan aktiviti parti kepada penyokong mereka. Dalam arena politik, pengendalian reputasi peribadi dan kumpulan atau kaum dibantu oleh sejauh mana maklumat sokongan dibuat secara meluas dan telus diakses, telah menyebabkan ia melangkaui kaedah tradisional untuk menyerang reputasi, iaitu seperti khabar angin, gosip, dan memburuk-burukkan. (Little, Holmes, Grieco, (2001).

Apabila identiti telah rosak dan reputasi hilang, teknologi memperuntukkan penyusunan semula hubungan yang mungkin, iaitu perwakilan sendiri berhubung dengan orang lain, untuk diri sendiri lalu dan masa depan (Little, Holmes, Grieco, (2001). Pada masa yang sama kita harus sedar bahawa teknologi juga membolehkan serangan ke atas reputasi (Holmes dan Grieco, 2001), ciri-ciri Internet yang disebarluaskan menyediakan peluang yang besar bagi penjenayah siber untuk melarikan diri dari dikesan dan menahan pengguna dari bersuara. (Little, Holmes, Grieco, (2001). Kemudahan mewujudkan laman-laman web telah menyebabkan banyak kumpulan pembangkang politik meniru dan membayangi laman mereka untuk menggagalkan percubaan menjatuhkan mereka. Seperti Hydra berkepala banyak, teknologi yang menahan usaha-usaha tersebut. (Little, Holmes, Grieco, (2001).

Kaedah Kajian

Kajian ini merangkumi reka bentuk kajian kualitatif, kajian ini memilih analisis dokumen dalam proses mengumpul data kajian berkaitan dengan bagaimana sumber politik di media sosial menjadi teras perpecahan dikalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Dokumen yang dikaji adalah laman sesawang iaitu Facebook, dimana data yang dikumpulkan melalui laman Astro Awani bertarikh 13 Jun 2015 dan masa dokumen ini dipaparkan pada pukul 7:39 malam bertajuk Jauhkan diri dari politik..., tegas Nazri kepada TMJ . Isu ini dimana Datuk Seri Nazri Aziz mengecam Tengku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim ekoran status Facebook Baginda mengenai sesi dialog #Nothing2Hide.

Penemuan dan Perbincangan Hasil Kajian

Berdasarkan penemuan dan perbincangan hasil kajian yang didapati menerusi laman Astro Awani di Facebook, kajian mendapat 4,565 orang yang menekakan button "like" manakala 1988 orang yang membalsas komen-komen di laman Astro Awani dan seramai 388 orang yang berkongsi isu di antara Datuk Seri Nadzri Aziz dan Tengku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

<p></p> <p></p> <p></p>	<p></p> <p></p> <p></p>
<p></p> <p></p> <p></p>	<p></p> <p></p> <p></p>
<p></p> <p></p> <p></p>	<p></p> <p></p> <p></p>
<p></p> <p></p> <p></p>	<p></p> <p></p> <p></p>

Tema 1: Maklum Balas Negatif

Sample (User)	Contoh Maklum Balas yang Berbaur Negatif
User 1	<p>anak haram si Nazri Aziz nie.....jgn sampai Johorean ludah kt muke kaw.....jgn smpai TMJ murkakan kau.....cilake pya menteri.....kau (Nazri Aziz)....menteri paling babi skali kt dunia...ayuh2..kaum Melayu.....kaum Cina...kaum India....kaum Iban...kaum Kadazadusun....kaum Bidayuh...kaum Murut....dan seluruh rakyat Malaysia.....sama2 kita lempang si Nazri Aziz pd PRU 14.....biar die bisu smpai mampos.....</p>
User 2	<p>Saya harap Yang Berhormat Datuk Seri Nazri Aziz,Menteri Pelancongan & Kebudayaan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Padang Rengas dapat baca komen saya ni. Celupar sungguh bahasa YB,biadab sungguh YB Padang Rengas ini, Kurang Ajar sungguh YB Padang Rengas ini. Mula2 YB kata YABhg Tun Dr.Mahathir Mohamad tak layak berdebat dgn YAB Perdana Menteri kerana YABhg Tun adalah rakyat biasa. Kau ni dah lupa agaknya YB.... Yang undi kamu tu makhluk asing dari bulan ke? Lembu ke...monyet ke...kucing ke yang undi kamu ni. YB Nazri Aziz.... Aku nak ingatkan kau kalau kau dah lupalah siapa dan apa undi kau ni YB....yang undi kau, yang pilih kau jadi Ahli Parlimen Padang Rengas seterusnya kau dapat jadi Menteri adalah RAKYAT BIASA OK..... KALAU TAK ADA RAKYAT BIASA NI YANG UNDI KAMU DALAM PRU13 YANG LALU....MAMPUS HIDUP BALIK PUN KAU TAK DAPAT JADI WAKIL RAKYAT @ MENTERI LAH!!!!. Nak buat statement tu.... Buat research dulu, jgn main redah saja.</p> <p>Lepas tu kau sound YAM Tunku Mahkota Johor supaya dia jauhi politik. Pasal dia keluar kenyataan perihal nothing2hide. Kau ni paham bahasa ke tidak.... Statement TMJ tu bkn campur tangan politik....tapi teguran serta pandangan. Kau dgn bongkaknya cakap...kalau TMJ campur tangan hal2 politik kerajaan aka whack dia balik.... Hello...YB.... Tak payah kau nak whack TMJ.... Kami ramai2 aka whack kau balik. Ok ...kau kata TMJ campurtangan hal2 politik....apasal kau tak sound Sultan Pahang pasal komen dia tentang Najib.... Pasal apa kau tak sound dia? Ohhh....mentang2 Sultan Pahang dok puji melangit bos kau, Sultan tu Sultan Bos kau....kau diamlah ya. Bkn kenyataan Sultan Pahang tu campurtangan politik juga ke? Aku harap sangat sahabat2 aka pengundi2 di Padang Rengas ajar kau what respect meant is. Kau terlalu angkuh,kau sompong,kau lupa jasa RAKYAT BIASA yang letak kau pada kedudukan sekarang. Kau fikir2lah YB.... Aku hilang hormat dah pada wakil rakyat mem kau ni....</p>
User 3	<p>ni baru anjing namanya,jika pengundi yang dianggap orang biasa tidak boleh mengambil tahu apa yang berlaku dalam pentadbiran negara apakah ertinya adanya pilinanraya,apakah rakyat biasa ini hanya sebagai alat untuk mengangkat seorang itu menjadi wakil rakyat kemudian menjadi seorang menteri untuk kemewahan nya sendiri dan keluarganya semata mata?apakah mereka juga menganggap institusi raja raja hanya boleh bersuara mengenai hal ehwal istana dan mengurniakan gelaran Datuk kepada ahli politik sahaja?sebagai rakyat negeri berdaulat JOHOR ini,saya menyokong penuh sekira SULTAN JOHOR juga campurtangan dalam hal ehwal berkepentingan rakyat jelata kerana kebanyakan pemimpin yang ada sekarang ini hanya mementingkan kedudukan semata mata.</p>
User 4	<p>Aku geram betoi menteri sekor ni. aku ingat kot Maslan Hasan Malek je yg suka buat statement bengong. Rupanya ni lagi sekor lagi bengong. Dulu</p>

	komen Tun M skrg komen TMJ pula. Hg pun kalau rakyat x sokong silap haribulan rakyat biasa juga. Jaga mulut tu jgn dok riak sgt
User 5	Statement demi statement bodoh kuar dari menteri cap ayam ni....sedar la ko dgn tmj bagai langit dgn bumi la wei....mcm bagus jek....penjilat setia najib la ko ni....tahu nk berbini muda jek
User 6	ssalam..... jangan lah tunjuk sangat taksub anda tu.....TMJ bukan masuk campur politik.....TMJ kecoh pasal negara.....takan pihak istana nak diam kalau negara tergugat????? dengar betol2.....sebelum nak masuk campur.....TMJ TEGUR PASAL APA????
User 7	janganlah taksub sangat dengan politik..nanti rosak bangsa..kalau buat betul takkannya ada pihak nak tegur...

Merujuk kepada Tema 1, perpaduan di kalangan orang Islam semakin hari semakin pudar. Orang Islam di Malaysia bertengkar dan bergaduh meluahkan perasaan ketidakpuasan hati mereka melalui media sosial dengan menulis buah fikiran mereka mengenai isu yang melibatkan politik. Masyarakat mulai berani menggunakan bahasa-bahasa yang kesat dan tidak berlapis. Berdasarkan kajian ini, perpaduan ummah yang bermaksud persatuan atau bergabungan dilihat kian hilang apabila ia melibatkan politik. Jika dilihat maklum balas yang terdapat di media sosial laman Astro Awani ini kita boleh melihat orang Melayu telah berubah perwatakan yang lebih hipokrit. Malah melalui perbuatan dan tindak tanduk “netcitizen” yang ditunjukkan mereka di sosial media yang majoritinya pengguna beragama Islam telah menunjukkan bahawa nilai-nilai Islam dalam membentuk perpaduan ummah melalui proses komunikasi telah semakin pudar.

Tema 2 : Pegangan Politik

Sample (User)	Pegangan Politik
User 1	Ye btol tu jauhkan diri dari politik kerana politik di malaysia rosak jahanam
User 2	azri ni ngan anjing sama je kuat menyalak..nak glemer tak bertempat..takyah cr publisiti sampah kulit telo..semua tak bole bersuara nak jd apa???bangsat..aku bkn anak johor..tp aku cr rezeki kat bumi johor..sokong TMJ fver..bangga sbb dia berani dlm semua hal..well said TMJ
User 3	dulu DAP mempertikaikan institusi raja sbb kononnya xde fungsi, ni sekarang bila raja bagi komen sikit si mamat mangkuk ni pulak nak bising.
User 4	Ni lah ciri2 menteri yg ada dlm Umno... ni aje yg ada dari Padang Rengas.. dia terhutang budi dgn najib sbb najib x hukum dia sbb masukkn anak dia dlm kementerian pelancungan sebagai Pegawai Khas. Belajar ke laut tapi gaji riban riban sbb bapak amalkan nepotism, kronisme.. ni ke yg org2 Padang Rengas lantik? Anak2 org Padang Rengas sendiri terbela ke?
User 5	Org umno suruh undi dowg sebab dowg cakap dowg pertahankan melayu..tapi bila umno buat salah kita tak boleh tegur..jangan kata rakyat..tmj tegur pun tak boleh...haha..kelakar..ingatlah rakyat malaysia..menteri umno tu cuma jaga periuk nasi diorang je..takde maknenye nak jaga kebijakan rakyat..umno dulu x macam umno sekarang..haha
User 6	Yg comment2 kat sini x faham politik nak comment gak...kan dah ngarut merapu2 tuh...betul lah nazri kate tuh...tlg fahamkan betul2...Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan DEMOKRASI , & RAJA

	BERPERLEMBAGAAN... ini bermaksud, rakyat memilih pemimpin mereka melalui pilihan raya, PM adalah KUASA EKSEKUTIF TERTINGGI DAN MENGETUAI KABINET... jadi ,kuase politik dlm pemerintahan yg tertinggi adalah PM, bukannya Sultan/ Raja...Yg dipertuan agong menandatangani pelantikan wakil2 rakyat yg dipilih..juge menteri2 kabinet di hadapan sultan or YD agong...so sultan tidak berhak mencampuri urusan pemerintahan negara kecuali dlm hal ehwal agama islam shj....ade faham x???? Jangan nak main salahkan nazri je...org tuh bercakap berasaskan undang2 perlombagaan negara...korang bercakap berasaskan emosi, ilmu pun xde nak salahkan orang...huhhh...
User 7	tahniah...datuk seri inilah pemimpin sebenarberani lantang..sebetulnya pun raja2 tidak sepatutnya terlibat dalam politik negara cuma boleh memberi pandangan dalam bentuk nasihat utk kesejahteraan negara itu yg terbaik....tun mahathir dulu semasa jadi PM..??? tidakkah ia jugak mengurangkan kuasa raja2 melayu

Murujuk kepada tema 2, pepecahan ummah juga disebabkan pegangan politik yang berbeza. Budaya berpolitik yang terlalu ekstrem ini telah menyumbang kepada perpecahan ummah di Malaysia. Umat Islam berpecah kerana kumpulan politik yang berbeza. Mereka mempunyai pandangan serta pegangan yang berbeza terhadap sesuatu parti. Murujuk kepada penemuan kajian, mereka yang tidak menyokong sesuatu parti akan menghentam parti yang lain dan boleh membawa kepada keganasan.

Kesimpulan

Pandangan, pegangan dan pemahaman politik yang berbeza bukanlah sesuatu yang harus dilihat secara negatif keseluruhannya, tetapi nilai-nilai menghormati antara satu sama lain haruslah dijadikan sandaran dalam memberikan komen terhadap sesuatu isu di laman sesawang. Malah, pengguna Islam haruslah menerapkan nilai-nilai murni yang menjurus kepada perpaduan ummah kerana nilai-nilai ini merupakan antara pegangan akidah sebagai panduan umat Islam yang seharusnya menyatukan masyarakat Islam sediri, juga perhubungan dengan masyarakat atau kaum lain di Malaysia melalui konsep perpaduan ummah dalam Islam.